


Antara kriteria utama dicari majikan.

Kuala Lumpur: Graduan yang memiliki kebolehan berkomunikasi dalam bahasa ketiga dengan baik diakui lebih 'laku' dalam pasaran pekerjaan berbanding calon lain yang hanya mahir dalam bahasa Melayu atau Inggeris.

Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), Datuk Shamsuddin Bardan, berkata kemahiran berkomunikasi dalam bahasa ketiga menjadi antara kriteria utama yang sering dicari majikan sekiranya ingin mengambil pekerja untuk syarikat masing-masing.

Beliau berkata, graduan yang memiliki kemahiran bahasa ketiga dilihat mempunyai kelebihan dalam bersing mendapatkan pekerjaan kerana banyak syarikat antarabangsa melabur di Malaysia seperti dari China, Jepun, Korea dan juga Eropah.

"Kebanyakan syarikat antarabangsa ini lebih memilih graduan yang mampu bertutur dalam bahasa ibunda mereka kerana mahu proses penyampaian maklumat dan komunikasi itu lebih lancar



Shamsuddin Bardan

sekali gus kerja dapat disiapkan dengan efisien.

"Meskipun begitu, saya dapat tidak ramai graduan di negara ini yang memiliki kemahiran untuk berkomunikasi dalam bahasa ketiga sebaliknya ramai yang mengikuti kursus bahasa ketiga di universiti hanya sekadar untuk lulus dan bukannya untuk mahir bertutur dalam bahasa berkenaan," katanya.

Kemahiran insaniah

Sementara itu, Ketua Bahagian Kemahiran Bahasa Melayu dan Bahasa Global, Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa (CALC), Universiti Putra Malaysia (UPM), Farah Nurzakiah Ahmad Tajud-



Kebolehan berbahasa global dapat meningkatkan lagi peluang seseorang individu untuk menempuh alam pekerjaan

**Farah Nurzakiah Ahmad Tajuddin,
Ketua Bahagian CALC
UPM**

din, berkata kemahiran bahasa adalah satu daripada kemahiran insaniah yang amat penting bagi graduan dalam usaha memperoleh peluang pekerjaan.

Katanya, sekiranya graduan mempunyai kemahiran dalam bahasa antarabangsa, sudah pasti menjadi satu nilai tarikan kepada bakal majikan dan mempunyai kelebihan berbeza berbanding calon pekerja yang lain.

"Pada zaman ini, kebolehan berbahasa global dapat meningkatkan lagi peluang seseorang individu bukan saja untuk menempuh alam pekerjaan, tetapi membabitkan penyertaan dalam proses pembelajaran, penyelidikan dan pelbagai bidang lain.

"Nasihat saya kepada pelajar universiti, berani bercakap menggunakan bahasa ketiga yang dipelajari dan jangan takut untuk melakukan kesilapan ketika bertutur kerana semakin banyak kita mempraktikkan bahasa itu, semakin kita menguasai dan mahir dalam bahasa berkenaan," katanya.

[GAMBAR HIASAN]



Bahasa Mandarin adalah bahasa ketiga yang sering diambil oleh pelajar sebagai kursus elektif di universiti.